


S/K. KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld. 9 (21)



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BIL. 10 TAHUN 2000
(TAMBAHAN PERTAMA KEPADA SPP BIL. 8 TAHUN 1995)**

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan,
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,
Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan.

**PANDUAN AM MENGENAI PEROLEHAN
KERAJAAN**

TUJUAN

1. Tujuan Surat Pekeling Perbendaharaan (SPP) ini adalah untuk memaklumkan berkenaan kenaikan had maksimum kos projek yang boleh dilaksanakan secara gotong royong dan bayaran elauan sagu hati kepada peserta-peserta.

LATAR BELAKANG

2. Mengikut SPP Bil. 8 Tahun 1995, had maksimum kewangan bagi melaksanakan projek-projek gotong royong adalah RM50,000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM75,000 bagi Sabah dan Sarawak. Di samping itu, peruntukan bayaran sagu hati kepada peserta-peserta gotong royong telah ditetapkan pada kadar RM10 di Semenanjung Malaysia dan RM15 di Sabah dan Sarawak.

3. Bagi menggalakkan pelaksanaan projek-projek kecil secara gotong royong dan penyertaan penduduk setempat, Kementerian Kewangan bersetuju untuk menaikkan had maksimum projek yang boleh dilaksanakan secara gotong royong kepada RM100,000 di seluruh negara dan menetapkan kadar upah kepada peserta-peserta gotong royong sebanyak 15% daripada nilai projek untuk dibahagikan sama rata di kalangan peserta.

PINDAAN DAN PEMBATALAN

5. Dengan berkuat kuasa SPP ini, para 12.2.1 dan 12.4.1 dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1995 dibatalkan dan digantikan seperti yang berikut:

“12.2.1. Had maksimum Kewangan bagi melaksanakan projek-projek kecil secara gotong royong adalah sebanyak RM100,000.”

“12.4.1. Setiap pekerja yang menjalankan kerja-kerja sebenar semasa pelaksanaan projek-projek kecil secara gotong royong boleh dibayar elaun sagu hati. Jumlah bayaran sagu hati hendaklah tidak melebihi 15% daripada nilai projek. Elaun sagu hati tersebut hendaklah dibayar sama rata kepada semua peserta gotong royong.

TARIKH KUAT KUASA

6. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

(Dato' Dr Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia

24 Oktober 2000

s.k.

Ketua Audit Negara,
Akauntan Negara Malaysia, dan
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri,
Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan.